BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Ref no.: 12/05/08

EMBARGO: Tidak Boleh Disiarkan Atau Dicetak Sebelum Jam 1700 Pada Hari Rabu 28 Disember 2005

Perkembangan Monetari dan Kewangan pada bulan November 2005
Kenyataan Utama Siaran Akhbar

Pertumbuhan dalam pembiayaan kepada sektor swasta kekal

Pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (PDS) terkumpul berkembang pada kadar tahunan 9.2%, manakala jumlah pinjaman bank terkumpul meningkat pada kadar tahunan 9%. Pembiayaan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) pula terus berkembang, dengan pinjaman terkumpul kepada PKS meningkat pada kadar tahunan 9.7%. Pembiayaan kasar melalui pasaran modal bertambah baik dengan nyata pada bulan November.

Sistem perbankan kekal berdaya tahan pada bulan November, dengan nisbah modal wajaran risiko (RWCR) menjadi kukuh kepada 13.8%, dan nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih berdasarkan klasifikasi 6 bulan kekal rendah pada 4.7%.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Ref no.: 12/05/08

EMBARGO: Tidak Boleh Disiarkan Atau Dicetak Sebelum Jam 1700 Pada Hari Rabu 28 Disember 2005

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN NOVEMBER 2005

Pertumbuhan dalam pembiayaan kepada sektor swasta kekal

Pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (PDS) terkumpul berkembang pada kadar tahunan 9.2%, manakala jumlah pinjaman bank terkumpul meningkat pada kadar tahunan 9%. Pembiayaan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) pula terus berkembang, dengan pinjaman terkumpul kepada PKS meningkat pada kadar tahunan 9.7%. Pembiayaan kasar melalui pasaran modal bertambah baik dengan nyata pada bulan November.

Pada bulan November, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat yang kecil dengan purata 2.70%. Berikutan kenaikan dalam Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 30 November, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat antara 2.97% - 3.01%, dan berpurata pada hampir 3% pada tempoh 1 – 27 Disember. Kadar antara bank bagi tempoh matang yang lain juga meningkat. Pada 15 Disember, purata bagi kadar pinjaman asas (BLR) bank perdagangan dan syarikat kewangan masing-masing meningkat kepada 6.19% dan 7.03%.

Pada tempoh 1 November – 27 Disember, ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding dengan mata wang utama dan serantau. Dolar Amerika Syarikat (USD) menambah nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang utama dan serantau, termasuk ringgit.

Inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP), meningkat kepada 3.5% pada bulan November, disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga pakaian dan kasut, sewa dan penyelenggaraan, hiasan dalaman dan penjagaan kesihatan yang lebih tinggi. Sementara itu, kadar pertumbuhan tahunan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) menjadi sederhana kepada 6% pada bulan Oktober disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga minyak mentah yang sederhana.

Agregat monetari berkembang pada kadar yang lebih perlahan pada bulan November. Wang secara kecil atau M1, tumbuh pada kadar tahunan 7.3%, manakala wang secara luas atau M3, berkembang pada kadar tahunan 8.4% pada akhir bulan November.

Dalam pasaran modal, pembiayaan kasar melalui pasaran modal lebih tinggi pada bulan November. Kebanyakan daripada dana yang diperoleh ialah melalui sekuriti hutang swasta dan disalurkan terutamanya untuk pembiayaan semula dan pembiayaan aktiviti baru.

Sistem perbankan kekal berdaya tahan pada bulan November, dengan nisbah modal wajaran risiko (RWCR) menjadi kukuh kepada 13.8% dan nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih berdasarkan klasifikasi 6 bulan kekal rendah pada 4.7%.

Kadar faedah meningkat berikutan kenaikan dalam OPR

Pada bulan November, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat yang kecil antara 2.69% - 2.70%, dengan purata 2.70%. Pada 30 November, Bank Negara Malaysia menaikkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak 30 mata asas kepada 3%. Berikutan kenaikan dalam OPR, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat antara 2.97% - 3.01% dan berpurata pada hampir 3% pada tempoh 1 – 27 Disember. Kadar antara bank bagi tempoh matang yang lain juga meningkat.

Dari segi kadar pemberian pinjaman runcit, BLR purata bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan masing-masing meningkat kepada 6.19% dan 7.03% pada 15 Disember (akhir November: 5.98% dan 6.90%) ekoran langkah 19 bank perdagangan dan dua syarikat kewangan menaikkan BLR mereka dalam julat 0.25 – 0.30%.



Kadar antara bank semalaman purata meningkat berikutan kenaikan dalam OPR.



Kadar antara bank meningkat sejak awal Disember berikutan kenaikan dalam OPR.



BNM menyuntik mudah tunai ke dalam sistem.



BLR bank perdagangan dan syarikat kewangan meningkat pada awal Disember berikutan kenaikan dalam OPR.



Nisbah pembiayaan-deposit meneruskan trend kenaikan yang sederhana disebabkan pertumbuhan pembiayaan terus mengatasi pertumbuhan deposit.

Struktur Terma Kadar Deposit Tetap
Bank Perdagangan



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Okt 05	3.00	3.00	3.00	3.00	3.70
Nov 05	3.00	3.00	3.00	3.00	3.70
15 Dis 05	3.00	3.01	3.02	3.06	3.70

Berikutan kenaikan dalam OPR, kadar deposit tetap bank perdagangan naik sedikit.

Struktur Terma Kadar Deposit Tetap
Syarikat Kewangan



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Okt 05	3.00	3.00	3.00	3.03	3.70
Nov 05	3.00	3.00	3.00	3.03	3.70
15 Dis 05	3.00	3.00	3.00	3.09	3.70

Kadar deposit tetap syarikat kewangan juga naik sedikit.

Kadar Deposit Tetap Benar 3 Bulan



Kadar deposit tetap benar 3 bulan kekal negatif.

Prestasi ringgit

Pada tempoh 1 November – 27 Disember, ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding dengan mata wang utama dan serantau. Seperti kebanyakan mata wang serantau, ringgit juga telah mendapat kesan daripada perkembangan dalam mata wang negara G3 dan kesan perkembangan tersebut atas mata wang yang lain. USD menambah nilai berbanding dengan ringgit, dan dengan kebanyakan mata wang utama dan serantau, dalam jangkaan umum bahawa kadar faedah Amerika Syarikat akan meningkat lagi. Tanggapan pasaran bahawa Bank Pusat Eropah tidak akan menaikkan lagi kadar faedah berikutan kenaikan sebanyak 25 mata asas dalam kadar dasarnya pada 1 Disember telah menyebabkan sedikit kelemahan pada euro. Justeru ini menyebabkan penyusutan nilai mata wang Eropah itu berbanding dengan ringgit. Yen Jepun juga menyusut nilai disebabkan tanggapan pasaran bahawa Bank of Japan akan mengekalkan strateginya untuk mengekang deflasi. Peso Filipina, won Korea, rupiah Indonesia, dolar Singapura dan renminbi China menjadi kukuh berbanding dengan ringgit, manakala baht Thai menjadi lemah berbanding dengan ringgit.





Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada satu unit mata wang asing	Akhir tempoh				% Perubahan	
	Dis. 04	Okt. 05	Nov. 05	27 Dis. 2005	Akhir Dis. 04 - 27 Dis. 2005	Akhir Okt. 05 - 27 Dis. 2005
Dolar AS	3.8000	3.7748	3.7773	3.7795	0.5	-0.1
Euro	5.1729	4.5515	4.4517	4.4746	15.6	1.7
Paun sterling	7.3169	6.6999	6.5313	6.5434	11.8	2.4
100 yen Jepun	3.7026	3.2616	3.1531	3.2288	14.7	1.0
Dolar Singapura	2.3258	2.2308	2.2336	2.2674	2.6	-1.6
100 baht Thai	9.7636	9.2576	9.1671	9.2307	5.8	0.3
100 peso Filipina	6.7706	6.8570	6.9721	7.0997	-4.6	-3.4
100 rupiah Indonesia	0.0408	0.0373	0.0377	0.0385	6.2	-2.9
100 won Korea	0.3671	0.3618	0.3655	0.3736	-1.7	-3.2
Renminbi China	0.4591	0.4679	0.4676	0.4681	-1.9	-0.05

Inflasi meningkat pada bulan November

Inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP), meningkat kepada 3.5% pada bulan November (Oktober: 3.3%). Kenaikan inflasi pada bulan itu disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga pakaian dan kasut, sewa dan penyelenggaraan, hiasan dalaman dan penjagaan kesihatan yang lebih tinggi.



Inflasi meningkat kepada 3.5% pada bulan November

Inflasi harga pengeluar menjadi sederhana pada bulan Oktober

Pertumbuhan tahunan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) menjadi sederhana kepada 6% pada bulan Oktober (September: 9.4%) disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga minyak mentah yang sederhana. Tidak termasuk harga komoditi, IHPR menjadi sederhana kepada 2% (September: 2.2%), disebabkan oleh kenaikan harga makanan dan binatang hidup, dan produk minuman dan tembakau yang lebih perlahan.



Inflasi IHPR menjadi sederhana

Kadar pengembangan agregat monetari lebih perlahan

Wang secara kecil atau M1 yang merupakan baki urus niaga, meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan yang lebih perlahan sebanyak 7.3% (Oktober: 12.6%) pada bulan November, disebabkan sebahagiannya oleh pemegangan mata wang yang berkurang berikutan berakhirnya tempoh perayaan dan bilangan hari bekerja yang lebih rendah. Sementara itu, wang secara luas atau M3 meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan 8.4% (Oktober: 9.8%) pada bulan November. Tuntutan bersih terhadap Kerajaan dan sektor swasta memberi kesan pengembangan namun ini telah diimbangi oleh kesan penguncupan operasi luaran bersih.

Penentu-Penentu M3
(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	2004	**Okt 05**	**Nov 05**	**Jan-Nov 05**
M3	68.0	0.5	-1.9	37.5
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	-15.9	3.2	2.5	-12.4
Tuntutan terhadap sektor swasta	30.6	4.3	4.2	39.0
Pinjaman	*39.8*	*3.5*	*1.2*	*41.1*
Sekuriti	*-9.2*	*0.8*	*3.0*	*-2.1*
Operasi luar negeri bersih *	82.0	-11.4	-7.8	21.1
Pengaruh lain	-28.7	4.4	-0.8	-10.1

* Sebelum penilaian semula rizab antarabangsa



Deposit dengan sistem perbankan meningkat pada bulan November

Pada bulan November, jumlah deposit dengan sistem perbankan meningkat RM1.1 bilion, atau pada kadar tahunan 10.3% (Oktober: 11.9%). Peningkatan itu mencerminkan terutamanya penempatan deposit oleh badan berkanun dan individu yang lebih tinggi. Mengikut jenis, pertumbuhan deposit telah didorong oleh kenaikan dalam repo, deposit Islam dan deposit mata wang asing.

Deposit mengikut Penyimpan
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Ogos 05	**Sep 05**	**Okt 05**	**Nov 05**
Kerajaan Persekutuan	140	147	-756	-349
Kerajaan Negeri	297	-14	34	-119
Badan Berkanun [1]	2	-99	-960	1,056
Institusi Kewangan	-884	-368	-7,213	68
Perusahaan Perniagaan	8,343	709	1,236	-181
Individu	1,062	1,281	1,680	870
Lain-lain [2]	-507	1,950	543	-279
Jumlah	8,454	3,607	-5,437	1,067

1/ Termasuk Kerajaan tempatan

2/ Termasuk lain-lain entiti tempatan dan entiti bukan bank asing

Deposit mengikut Jenis
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Ogos 05	**Sep 05**	**Okt 05**	**Nov 05**
Deposit tetap	3,540	-592	-3,177	-1,820
NID	3,058	5,333	-8,103	-1,145
Deposit permintaan	316	871	1,220	-310
Deposit tabungan	-160	206	199	87
Perjanjian beli balik (Repo)	1,624	-5,808	3,185	1,082
Deposit mata wang asing	-147	2,015	665	1,454
Deposit SPI	94	1,346	-13	1,393
Lain-lain	130	237	587	326
Jumlah	8,454	3,607	-5,437	1,067

Pembiayaan kepada sektor swasta kekal

Pada bulan November, pembiayaan kasar kepada sektor swasta daripada sistem perbankan dan pasaran modal berjumlah RM45.3 bilion (Oktober: RM53.5 bilion) dan meningkat pada kadar tahunan 3.4% (Oktober: 19.7%). Selepas mencatat pertumbuhan yang sangat kukuh selama dua bulan, pembiayaan kasar menjadi sederhana pada bulan November disebabkan terutamanya oleh pengeluaran pinjaman yang lebih rendah sebanyak RM41.1 bilion (Oktober: RM49.9 bilion). Pada asas bersih, pembiayaan kepada sektor swasta (pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul) berkembang pada kadar tahunan 9.2% (Oktober: 9.7%).



Pembiayaan kasar sektor swasta menjadi sederhana selepas mencatat pertumbuhan pesat selama dua bulan.



Penunjuk pinjaman menunjukkan trend yang menurun pada bulan November…

Penunjuk Pinjaman Bank

	RM bilion		Perubahan Tahunan (%)	
	Oktober	November	Oktober	November
Jumlah				
Permohonan pinjaman	27.1	23.0	12.5	6.7
Kelulusan pinjaman	18.4	13.9	18.3	9.7
Pengeluaran pinjaman	49.9	41.1	20.1	1.9
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	3.4	1.3	9.3	9.0
Perusahaan perniagaan				
Permohonan pinjaman	13.5	12.7	5.1	-2.3
Kelulusan pinjaman	9.3	6.8	19.2	13.2
Pengeluaran pinjaman	34.7	27.6	21.4	0.2
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	-0.1	-1.6	4.5	3.9
PKS				
Permohonan pinjaman	4.5	4.0	-8.8	-8.5
Kelulusan pinjaman	2.8	2.2	-6.1	-10.9
Pengeluaran pinjaman	9.6	8.9	11.0	8.8
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	0.7	0.2	10.2	9.7
Isi rumah				
Permohonan pinjaman	13.0	10.1	20.1	21.1
Kelulusan pinjaman	8.9	6.6	17.0	0.9
Pengeluaran pinjaman	13.2	11.2	16.0	6.5
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	4.1	3.1	15.1	15.1

[1/] Pertumbuhan tahunan adalah jumlah terkumpul pada akhir tempoh

…tetapi terus mencatat kadar pertumbuhan tahunan yang positif



Pengeluaran pinjaman kekal meliputi kesemua sektor

Pada bulan November, permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman dalam sektor perniagaan dan isi rumah lebih rendah disebabkan sebahagiannya oleh musim perayaan yang menyebabkan bilangan hari bekerja yang lebih rendah. Dalam sektor perniagaan, pengeluaran pinjaman berjumlah RM27.6 bilion, dengan pengeluaran kepada PKS meningkat pada kadar tahunan 8.8%. Pengeluaran disalurkan terutamanya kepada sektor perkilangan (34% daripada jumlah pengeluaran pinjaman perniagaan); perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel (29%); kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan (10%); dan pembinaan (8.3%); serta untuk pembelian harta benda bukan kediaman (4.9%). Sementara itu, permohonan pinjaman sektor isi rumah terus meningkat pada asas tahunan.

Pinjaman terkumpul meningkat dengan lebih sederhana sebanyak RM1.3 bilion pada asas bulanan, atau 9% pada asas tahunan (Oktober: RM3.4 bilion atau 9.3%). Pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan meningkat pada kadar tahunan yang lebih sederhana sebanyak 3.9% (Oktober: 4.5%), dengan pinjaman terkumpul kepada PKS meningkat 9.7% (Oktober: 10.2%), manakala pertumbuhan pinjaman terkumpul kepada sektor isi rumah kekal stabil pada 15.1%.

Pembiayaan kasar oleh sektor swasta dalam pasaran modal lebih tinggi

Pada asas tahunan, dana kasar yang diperoleh sektor swasta melalui pasaran modal meningkat 8% pada bulan November. Selepas penebusan semula sekuriti hutang swasta (PDS) yang matang, dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal lebih rendah pada bulan November dan berjumlah RM1.9 bilion. Sebahagian besar daripada PDS yang diperoleh terutamanya adalah untuk pembiayaan semula dan pembiayaan aktiviti baru. Dalam pasaran ekuiti, dana

diperoleh terutamanya melalui tawaran awam awal (IPO) dengan satu IPO yang besar dalam sektor harta tanah. Sehingga kini, sebanyak 73 IPO telah diterbitkan pada tahun 2005 (2004: 72 IPO).



Prestasi KLCI terus lembap

Pada bulan November, KLCI ditutup lebih rendah pada 896.13 (sejak akhir bulan Oktober: -1.6%) dengan permodalan pasaran merosot kepada RM693.03 bilion (sejak akhir bulan Oktober: -1.4%). Urus niaga purata harian pada bulan itu juga lebih rendah pada 265.1 juta unit (Oktober: 364.7 juta unit).



KLCI terus lembap

Antara 1-27 Disember, KLCI kekal dalam julat semasa dan ditutup pada 894.51 (sejak akhir bulan November: -0.18%) dengan permodalan pasaran bernilai RM690.58 bilion (sejak akhir bulan November: -0.35%). Walau bagaimanapun, urus niaga meningkat sedikit dengan urus niaga purata harian pada 268.3 juta unit.

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia berjumlah RM275.3 bilion atau bersamaan USD73.1 bilion pada 30 November 2005. Rizab berjumlah RM271.4 bilion atau bersamaan USD72 bilion pada 15 Disember 2005. Kedudukan rizab itu memadai untuk membiayai 7.9 bulan import tertangguh dan ialah 6.4 kali hutang luar negeri jangka pendek.



Sistem perbankan kekal kukuh

Tahap permodalan sistem perbankan kekal pada tahap yang kukuh. Nisbah modal wajaran risiko (RWCR) dan nisbah modal teras bertambah kukuh, masing-masing kepada 13.8% dan 10.8% pada akhir bulan November 2005. Ini disebabkan terutamanya oleh penerbitan modal oleh beberapa institusi perbankan. Nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih berdasarkan klasifikasi 6 bulan kekal pada 4.7% dan 6% berdasarkan klasifikasi 3 bulan.

Penunjuk Keadaan Sistem Perbankan *

	Pada akhir tempoh								
	1999	2000	2001	2002	2003	Dis 04	Sep 05	Okt 05	Nov 05
Modal (%)									
Nisbah modal teras	10.1	10.7	11.1	11.1	11.1	11.3	10.7	10.7	10.8
RWCR	12.5	12.5	13.0	13.2	13.8	14.3	13.5	13.5	13.8
NPL bersih (klasifikasi 6 bulan)									
% jumlah pinjaman bersih	6.4	6.3	6.9	7.5	6.8	5.8	4.7	4.7	4.7
Jumlah (RM juta)	23,849	24,700	32,833	31,702	30,766	28,590	24,559	24,836	25,150
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (6 bulan, %)	1.9	1.9	1.9	1.8	1.8	1.7	1.7	1.7	1.7

* Mulai Jun 1999, jadual ini termasuk bank-bank Islam.

* Mulai April 2005, pengiraan RWCR dan nisbah modal teras merangkumi faktor risiko pasaran.



Tahap permodalan sistem perbankan menjadi kukuh …



…manakala tahap NPL menjadi stabil

Bank Negara Malaysia

28 Disember 2005

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Sep 05		Okt 05		Nov 05	
		Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan
		(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		52.1	10.6	55.5	11.0	52.6	7.3
M1		118.0	9.9	123.1	12.6	119.6	7.3
M2		600.5	24.2	602.1	19.6	601.5	15.9
M3		656.6	10.9	657.0	9.8	655.2	8.4
Sistem Perbankan							
Jumlah deposit		677.0	13.4	671.6	11.9	672.6	10.3
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas)		548.0	9.2	551.3	9.3	552.6	9.0
Nisbah pinjaman-deposit (%)		77.9		78.9		79.0	
Nisbah pembiayaan-deposit [1] (%)		85.6		87.0		87.3	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		27.5	9.3	27.1	12.5	23.0	6.7
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		19.1	21.0	18.4	18.3	13.9	9.7
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		49.4	15.3	49.9	20.1	41.1	1.9
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		41.2	7.6	45.5	11.5	40.2	6.6
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Wajaran Risiko (RWCR) (%)		13.5		13.5		13.8	
NPL bersih: Klasifikasi 6 bulan (%)		4.7		4.7		4.7	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab dalam RM bilion		302.7		290.4		275.3	
Rizab dalam Dolar AS bilion (bersamaan)		80.3		77.1		73.1	
Bilangan bulan import tertangguh		8.9		8.5		8.0	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (OPR)		2.70		2.70		3.00	
Antarabank:	Semalaman	2.73 [2.70]		2.69 [2.69]		2.69 [2.69]	
	Seminggu	2.75 [2.72]		2.70 [2.73]		2.74 [2.74]	
	1 bulan	2.87 [2.86]		2.88 [2.87]		2.89 [2.89]	
	3 bulan	2.90 [2.89]		2.92 [2.91]		2.95 [2.93]	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	3.00		3.00		3.00	
	3 bulan	3.00		3.00		3.00	
BLR bank perdagangan		5.98		5.98		5.98	
ALR bank perdagangan		5.90		5.95		5.98	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2000=100)		109.8	3.4	110.3	3.3	110.7	3.5
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) (1989=100)		169.8	9.4	167.3	6.0	t.d.	t.d.
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)							
Dolar AS		3.7692		3.7748		3.7783	
Euro		4.5421		4.5515		4.4527	
Paun Sterling		6.6438		6.6999		6.4959	
100 Yen Jepun		3.3359		3.2616		3.1628	
Dolar Singapura		2.2315		2.2308		2.2329	
100 Baht Thailand		9.1988		9.2576		9.1683	
100 Peso Filipina		6.7262		6.8570		6.9793	
100 Rupiah Indonesia		0.0366		0.0373		0.0377	
100 Won Korea		0.3619		0.3618		0.3652	
Pasaran Modal							
Dana bersih (RM b) yang diperoleh sektor:	awam	2.7		4.4		...	
	swasta	3.2		3.7		2.0	
Indeks Komposit Bursa Malaysia (akhir tempoh)		927.5		910.8		896.1	
Permodalan Pasaran Bursa Malaysia (RM b) (akhir tempoh)		715.4		702.7		693.0	

[1] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan sekuriti hutang swasta (PDS) oleh sistem perbankan atas deposit sistem perbankan.